

12 FEB 1998

MOTOROLA TIDAK PERNAH RAGU LABUR DLM MSC, KATA PENERUS

CYBERJAYA, 12 Feb (Bernama) -- Motorola, pengeluar sistem komunikasi wayarles dan elektronik canggih yang terkemuka, tidak pernah ragu-ragu dalam pelaburannya di Malaysia dan Koridor Raya Multimedia (MSC), kata penerusnya, Gary L. Tooker.

"Malahan, kami telah membuat keputusan untuk melabur dalam MSC di tengah-tengah krisis ekonomi," katanya kepada pemberita ketika sesi rehat makan tengah hari mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC ke-2 yang dihadiri oleh 13 anggota hari ini.

Tooker, yang berada dalam panel 44 anggota itu berkata: "Saya tahu semua anggota IAP terus yakin terhadap prospek jangka panjang Malaysia dan Asia. Keadaan ini (pergolakan kewangan) adalah perkara yang akan berlalu."

"Kami semua yakin terhadap etika kerja, dedikasi dan kreativiti rakyat Malaysia," tambahnya.

Mengulas mengenai peranan proaktif pemimpin-pemimpin negara dalam menerajui usaha menangani krisis itu, beliau berkata lawatan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Jepun baru-baru ini kelihatan membuahkan hasil.

"Sementara itu, Perdana Menteri anda, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengambil peranan kepimpinan dalam komuniti Asean dan membincangkan isu-isu krisis itu dengan negara-negara Eropah serta Amerika Syarikat," tambah Tooker.

Mengenai pelaburan Motorola dalam MSC, Tooker berkata syarikat itu yakin memperolehi beberapa kontrak utama. Bagaimanapun beliau enggan menjelas dengan lebih lanjut mengenai perkara itu.

"Kami masih belum memuktamadkan jumlah pelaburan tetapi walau apa pun, ia akan menjadi langkah pertama dan apa jua dalam langkah pertama adalah dalam lingkungan AS\$10 juta hingga AS\$15 juta," katanya.

Tooker menggambarkan pelaburan Motorola di MSC sebagai satu lanjutan daripada pelaburan sedia adanya di Seremban, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Apa yang lebih penting, pelaburan Motorola dalam MSC adalah saling berkaitan dengan aktiviti syarikat bagi program Kad Pintar dan inisiatif Sekolah Bestari, dua daripada tujuh aplikasi perdana MSC, katanya.

"Kami merasakan MSC adalah penting bukan sahaja bagi Malaysia tetapi juga seluruh dunia kerana ia boleh berfungsi sebagai model mengenai bagaimana kita boleh bergerak ke hadapan dalam teknologi maklumat di seluruh dunia," jelasnya.

-- BERNAMA

AD ZK MA